

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn
di-upachara Ucapan Tahunan dan Penyampaian Hadiah2
di-Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru pada 29.4.71
jam 9.00 pagi.

Yang Teramat Mulia Tengku Makhota, Johor

Yang Amat Mulia Tengku Shahariah.

Patek berasa shukor kerana pada pagi ini dapat hadir bersama2 dengan yang teramat mulia Tengku berdua di-majlis ucapan tahunan dan penyampaian hadiah2 Maktab Sultan Abu Bakar ini. Patek sangat-lah yakin dan perchaya, keberangkatan yang teramat mulia Tengku berdua pagi ini, sangat-lah besar erti-nya dalam erti kata memberi galakan dan perangsang, kepada murid2 dan guru2 Maktab ini khas-nya, dan ibu-bapa serta semua pihak yang berkenaan dengan sekolah ini 'am-nya.

Dengan itu patek mohon izin untuk menyampaikan ucapan sa-patah dua kepada hadirin sekalian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli2 Jumaah Lembaga Pengelola Maktab ini, Ketua Pegawai Pelajaran, Johor, Guru Besar, Guru2, Ibu-bapa, Murid2, Tuan2 dan Puan2 sekalian.

Saya sangat-lah bershukor dan mengucapkan berbanyak2 terima kasih kerana dapat bersama2 hadir di-majlis ucapan tahunan dan penyampaian hadiah2 ini dan di-samping itu di-beri pula kesempatan berucap sa-patah dua kepada tuan2 dan puan2 sekalian. Sebagai Menteri Pelajaran ini-lah kali pertama-nya saya di-beri peluang berucap di-Maktab tempat saya sendiri pernah mendapat didekan dan di-besarkan. Dari itu upachara pada pagi ini sangat-lah besar erti-nya kepada saya, lebeh2 lagi dalam majlis ini saya dapat bertemu muka dan beramah mesra dengan tuan2 dan puan2, ia-itu orang2 di-tempat saya sendiri di-lahir dan di-besarkan.

Kita telah mendengar baharu sabentar tadi kemajuan2 yang telah di-chapai oleh Maktab ini setakat ini. Sebagai Menteri Pelajaran saya mengambil kesempatan mengucapkan sa-tinggi2 tahniah atas kejayaan2 yang telah di-chapai dalam semua bidang akademik dan

juga kegiatan2 di-luar waktu sekolah, termasuk permainan. Saya yakin dan percaya semua kemajuan2 itu tidak akan tercapai jika tidak ada kerjasama dan saling mengerti dari semua pihak - guru2, murid2, ibu2-bapa dan semua pihak yang berkenaan dengan sekolah ini.

Dalam pada itu jangan-lah pula kita semua lupa dengan apa yang telah di-ucapkan oleh guru besar Maktab ini sebentar tadi, ia-itu pendidikan ia-lah satu proses yang berterusan. Ia-nya tidak bermula pada masa yang tertentu dan berakhir pada waktu yang di-tetapkan. Hakikat ini saya yakin dapat di-lihat dalam perkembangan Maktab ini sendiri. Pada suatu masa dahulu, sa-masa saya berskolah di-sini, nama Maktab ini ia-lah "English College". Semenjak beberapa tahun yang lalu nama ini telah di-ubah dari "Maktab Inggeris" kepada "Maktab Sultan Abu Bakar".

Jika kita menongkan dengan teliti, saya yakin, pihak yang berkenaan sekolah ini membuat perubahan ini setelah memikirkan dengan sa-dalam2-nya kehendak2 yang lahir dari perubahan2 dasar Pelajaran Kebangsaan dan kehendak2 negara. Proses pendidikan dan pelajaran telah bermula lama sa-belum negara kita mendapat kemerdekaan. Satu dari kehendak2 perjuangan kemerdekaan tanah ayer ia-lah mencari satu alat yang boleh menyatu-padukan rakyat yang terdiri dari berbagai2 keturunan dan kebudayaan di-negara kita ini. Alat ini ia-lah satu bahasa yang resmi dan tunggal. Bahasa yang resmi yang boleh menyatu-padukan rakyat berbilang keturunan dan kebudayaan itu, ia-lah bahasa Malaysia.

Sekarang saya suka menyentuh mengenai perkembangan pelajaran di-negeri Johor ia-itu Kementerian Pelajaran akan mengadakan beberapa projek baru untuk sekolah2 rendah dan menengah. Ada-lah di-umumkan bahawa di-jangkakan Kerajaan akan mengeluarkan belanja lebih kurang 2.4 juta ringgit untuk membina sekolah2 rendah dan menengah, asrama2, bangunan2 tambahan, kantin2 sekolah dan projek2 yang lain. Di-antara projek2 itu yang besar sekali ia-lah pembinaan Sekolah Menengah Keluarg lengkap dengan asrama untuk menampung 600 orang murid. Bangunan sekolah ini ia-lah tiga tingkat untuk 24 buah bilik darjah, 6 makmal sains tulen, 3 makmal sains 'am, wokshop sains perusahaan, wokshop kejuruteraan, makmal sains rumah-tangga, pejabat guru besar, bilok guru2, perpustakaan dan lain2 kemudahan sekolah termasuk padang permainan. Di-tempat yang sama Kerajaan akan membina sa-buah asrama empat tingkat untuk murid lelaki dan satu asrama tiga tingkat untuk murid2 perempuan lengkap dengan kemudahan asrama.

Selain daripada itu Kementerian saya akan membena Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris), Pontian ia-itu sa-buah sekolah baru untok 750 orang murid. Sekolah ini mempunyai bangunan dua tingkat untok 14 buah bilek darjah dan juga dua makmal sains 'am, makmal sains rumah-tangga, perpustakaan, padang dan sebagainya. Projek2 ini telah pun di-luluskan oleh Kerajaan.

Dengan ada-nya kemudahan2 makmal sains 'am dan makmal sains rumah-tangga di-harap murid2 kita lelaki dan perempuan akan chenderong pada pelajaran sains. Tetapi bagi murid2 perempuan mereka mempunyai kemudahan pelajaran yang lebeh daripada murid2 lelaki ia-itu belajar urusan rumah-tangga atau yang di-kenali hari ini sains rumah-tangga.

Boleh-lah di-katakan bahawa dari jumlah \$2.4 juta itu, tiap2 daerah di-negeri Johor ini akan menerima sedikit peruntokan sama-ada berupa bangunan tambahan sekolah, bangunan kantin, asrama dan projek2 kecil seperti pasar dan padang permainan.

Dalam pada itu pula saya suka menyentuh balek apa yang telah saya katakan di-awal2 ucapan saya tadi. Saya telah menguchapkan tahniah kepada murid2 dan pehak Maktab ini atas kejayaan-nya pada tahun lalu dalam bahagian akademik dan kegiatan2 di-luar darjah serta permainan.

Kapada murid2 dan guru2 terutama-nya, dalam kegumbiraan kejayaan itu, hendak-lah sentiasa kita merenongkan ada-kah dengan sijil akademik yang tinggi mutu-nya itu sahaja, akan memberi jaminan penentuan, yang sa-saorang itu akan boleh keluar menjadi sa-orang raayat yang berguna dan taat setia kapada bangsa, negara dan tanah ayer kita yang sedang membangun ini? Di-dalam Maktab yang saperti Maktab ini saya yakin kita semua dapat melihat murid2 yang terdiri dari berbagai2 keturunan, ugama dan kebudayaan. Dari kanak2 ini-lah akan lahir jenerasi kita yang akan datang -- yang di-harapkan satu jenerasi yang tahu apa-kah dia saling mengerti dan isi hati masing2 di-antara satu dengan lain.

Dalam hal ini peranan guru2 dan ibu bapa sangat-lah penting, ia-itu menyematkan dalam hati tiap2 kanak2, betapa-kah mustahak-nya prinsip2 pematohan diri (Discipline), pada mula2-nya mungkin kapada tata tertib2 sekolah-nya sendiri, kemudian pematohan diri kapada prinsip2 Rukunegara, dan saterus-nya apabila kanak2 itu dewasa, pematohan diri kapada tata tertib hidup.

Tidak payah-lah saya menerangkan dengan panjang lebar apa-kah dia prinsip2 pematohan diri yang saya sebutkan itu, terutama-nya kepada Rukunegara, kerana saya yakin dan perchaya terutama-nya tiap2 guru di-sekolah ini sudah pun tahu apa-kah maksud dan isi kandungan Rukunegara itu. Kepada semua guru2 khas-nya dan ibu2-bapa 'am-nya, jika pematohan diri kepada prinsip2 Rukunegara itu dapat di-sematkan dalam hati sanubari tiap2 orang kanak2 di-sekolah2, maka saya yakin negara kita pada masa akan datang akan di-diami oleh satu jenarasi yang harmoni, saling mengerti, taat setia dan tahu bertanggung-jawab ke-atas diri sendiri, dan juga bangsa dan tanah ayer-nya.

Sekian sahaja ucapan saya buat kali pertama-nya di-Maktab ini, dan sekali lagi saya mengucapkan beribu2 terima kaseh.

Kementerian Pelajaran.

Kuala Lumpur.



No Siri	28
No Penerimaan	28/80